



# Festival Keroncong MAKUM 2009

**Tanggal 21-23 November 2009** UniMAP telah menyertai Festival Keroncong MAKUM anjuran MAKUM dengan kerjasama UTHM 2009 bertempat di UTHM, Batu Pahat, Johor. Pertandingan ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu nyanyian solo dan berkumpulan.

Sebanyak 11 IPTA telah menyertai festival ini iaitu, UTHM, UniMAP, UPSI, UKM, UPM, UM, UMK, USIM, UMP, UTEM dan UMS. Sesi saringan bermula pada jam 9 pagi 22 November untuk kategori nyanyian solo dan saringan untuk kategori berkumpulan pula bermula pada jam 8 malam.

Bagi setiap kategori, hanya 5 peserta

solo dan berkumpulan yang dipilih untuk ke peringkat akhir. Antara IPTA yang layak untuk ke peringkat akhir adalah, UTHM, UM, UKM, UPSI dan USIM untuk kategori berkumpulan manakala bagi kategori solo pula adalah UMS, UM, USIM, UTHM dan UPSI.

Pertandingan pada peringkat akhir bermula pada jam 8 malam 23 November 2009 yang mana ianya menyaksikan kesungguhan para peserta menonjolkan kemahiran masing-masing bagi merebut kejuaraan untuk setiap kategori. Bagi kategori berkumpulan, tempat ketiga jatuh kepada UTHM manakala UM di tempat ke

dua, Johan keseluruhan untuk kategori ini disandang oleh UPSI dengan persembahan yang amat mantap dan menghiburkan. Tempat kedua dan ketiga untuk kategori solo pula masing-masing disandang oleh UTHM dan UPSI dan pemenang bagi kategori ini disandang oleh UM.

Diharap semoga penganjuran program kebudayaan seperti ini akan dapat melahirkan barisan pelapis yang terdiri daripada pelajar-pelajar IPTA dan dapat memelihara dan memartabatkan kesenian melayu di peringkat antarabangsa.